



26 Jul 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Bisnes • Page: B3 • Printed Size: 223.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 4,033.00
PR value: MYR 12,099.00 • Item ID: MY0026583591

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

UME giat bangunkan tanah wakaf di Selangor

Urus Maju Ehsan (M) Sdn Bhd (UME), anak syarikat Perbadanan Wakaf Selangor, kini dalam proses untuk membangunkan projek hartanah kediaman dan komersial membabitkan tanah wakaf di Selangor dengan nilai pembangunan kasar kira-kira RM300 juta.

Pengerusi Eksekutifnya, Mohd Azli Md Yusof, berkata projek hartanah kediaman dan komersial itu akan dibangunkan dalam tempoh lima hingga enam tahun membabitkan tiga fasa.

Beliau berkata, fasa pertama membabitkan tanah wakaf di sekitar Klang, fasa kedua untuk pembangunan rumah kediaman di Hulu Langat dan fasa ketiga bagi pembinaan hartanah komersial serta stesen minyak.

"Jumlah tanah wakaf di Selangor kira-kira 480 hektar dengan 70 peratus daripadanya adalah tanah wakaf khas. Kami akan menumpukan pembangunan membabitkan tanah wakaf am yang terbiasa."

"Tanah wakaf yang akan dibangunkan membabitkan keluasan

kira-kira 12 hingga 16 hektar bagi setiap fasa," katanya pada sidang media selepas memeterai perjanjian pembiayaan pembangunan tanah wakaf berjumlah RM15.5 juta dengan Bank Islam di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Bhd, Datuk Seri Zukri Samat dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Khairul Kamarudin.

Mengulas mengenai perjanjian pembiayaan itu, Mohd Azli berkata, pembiayaan berkenaan merangkumi dua projek pembangunan tanah wakaf di sekitar Klang, Selangor seluas 2.4 hektar.

164 unit pangaspuri, 12 unit lot kedai

Katanya, projek pertama merangkumi pembinaan 164 unit pangaspuri serta 12 unit lot kedai di Jalan Kebun, Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor.

Beliau berkata, projek kedua membabitkan pembangunan 13 unit kedai pejabat dan 34 unit bazar di Jalan Teratai, Mukim

Kapar, Daerah Klang.

"Kerja pembangunan projek ini dijangka dimulakan tahun ini.

Kami sudah mendapat kelulusan pihak berkaitan dari segi perancangan projek ini," jelasnya.

Sementara itu, Zukri berkata, menerusi perjanjian pembiayaan berjumlah RM15.5 juta itu, Bank Islam akan menyediakan pembiayaan projek serta pembiayaan akhir untuk pembelian unit pangaspuri, rumah kedai dan kedai pejabat melalui produk Al-Waqf Home Financing-i.

Beliau berkata, pembiayaan berkenaan juga adalah antara inisiatif bank itu bagi menyumbang kepada perkembangan industri wakaf di Malaysia selain meningkatkan pegangan aset umat Islam di negara ini.

"Sebagai peneraju perkhidmatan perbankan Islam di negara ini, Bank Islam berpengalaman dalam menguruskan projek imarah wakaf yang lain sejak 2009.

"Antaranya ialah projek Menara Bank Islam yang kini adalah ibu pejabat korporat kami," katanya.



26 Jul 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Bisnes • Page: B3 • Printed Size: 223.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 4,033.00
PR value: MYR 12,099.00 • Item ID: MY0026583591



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

Info

Tanah wakaf

→ **Kos pembangunan** kasar kedua-dua projek - RM50 juta
→ **Terletak** di atas tanah wakaf am
→ **Wakaf am** - pewakaf berniat mewakafkan harta tanpa penghususan, namun hasil pembangunannya disalurkan untuk manfaat umat Islam
→ **Setakat 2014**, jumlah tanah wakaf am dan khas di Malaysia seluas 11,091.82 hektar



26 Jul 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: Hafizah Iszahanid • Section: Nasional • Page: 33 • Printed Size: 403.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 13,839.00
PR value: MYR 41,517.00 • Item ID: MY0026584366

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Rumah Bugis 100 tahun dipulihara

→ Selangor
beli kediaman,
pamer
di muzium
untuk tatapan
generasi muda

Oleh Hafizah Iszahanid

hafiza@bh.com.my

► Shah Alam

Pemuliharaan rumah tradisi Melayu seperti rumah Bugis bukan saja mengekalkan warisan seni bina Melayu, bahkan dapat mewariskan kearifan tempatan kepada generasi muda.

Pemuliharaan itu dapat mengharmonikan landskap sejarah dan budaya seperti yang diusahakan Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT), yang membeli rumah Bugis berusia lebih 100 tahun.

Rumah yang asalnya di Kuala Selangor, kini dipamerkan di Muzium Sultan Alam Shah di sini, selepas melalui proses pemuliharaan hampir 10 bulan.

Proses pembelian yang bermula 2011 itu, menelan biaya RM498,000 dengan usaha pemuliharaan diselaiakan oleh Pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Abdul Ghafar Ahmad.

Dibina pada 1900

Pemilik asal rumah itu ialah Mat Taib Katas yang berhijrah ke Kuala Selangor dari Makasar pada abad ke-19 dan membina rumah dengan ciri asal Rumah Bugis dipercayai sekitar 1900.

Rumah itu diwariskan kepada anaknya, Zainal, sebelum generasi ketiga Mat Taib, iaitu Roslan Zainal mendiaminya dengan pengubah-suaian pada bahagian dapur.

Abdul Ghafar berkata, rumah tradisional itu dikesan Majlis Aga-

ma Islam Selangor (MAIS) ketika memberi bantuan kepada asnaf di Kampung Permatang sebelum memaklumkannya kepada PADAT.

“Rumah Bugis ini masih mengekalkan rekaan tradisi yang mempunyai falsafah seni bina tersendiri dan tidak dibina menghadap jalan seperti rumah tradisi lain.

“Ciri seni bina paling jelas ialah tebar layar yang dilihat pada bumbung rumah yang menjadi identiti utama seni bina Bugis.

Dipanggil rumah merah

“Rumah Bugis juga disebut rumah merah kerana dicatkan dengan warna itu, berfungsi untuk merawat anai-anai selain mengindahkannya,” katanya kepada *Sastera&Budaya* pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Bugis Kepada PADAT.

Pembelian Rumah Bugis itu jumlah kali diadakan di negeri itu, sebelum ini projek pengekalan rumah tradisi lebih banyak dilakukan di Kedah, Perak dan Negeri Sembilan.

Fakta
nombor

RM498,000

KOS

keseluruhan
pemuliharaan
rumah Bugis



26 Jul 2016

Berita Harian, Malaysia

Author: Hafizah Iszahanid • Section: Nasional • Page: 33 • Printed Size: 403.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 13,839.00
PR value: MYR 41,517.00 • Item ID: MY0026584366



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Rumah Bugis kini dipamerkan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.



Rumah Bugis ini masih mengekalkan rekaan tradisi dan tidak dibina menghadap jalan”

Abdul Ghafar Ahmad
Pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan USM



26 Jul 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: Nabil Basaruddin • Section: Bisnes • Page: 43 • Printed Size: 336.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 13,186.00
PR value: MYR 39,558.00 • Item ID: MY0026583440

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDU AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5546 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektaikorporat@gmail.com



Page 1 of 1



KHAIRUL (dua dari kiri) dan Mohd Azli (dua kanan) selepas menandatangani perjanjian yang disaksikan Zukri (kiri) dan Mohamad Adzib di Kuala Lumpur, semalam.

MAJU TANAH WAKAF

■ **Bank Islam, UME tandatangani perjanjian pembiayaan projek**

Nabil Basaruddin
bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) menandatangani perjanjian pembiayaan projek pembangunan tanah wakaf bersama Urus Maju Ehsan (M) Sdn Bhd (UME), anak syarikat kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) berjumlah RM15.5 juta.

UME akan bertindak sebagai pemaju kepada PWS dalam merangka perancangan strategik dan memastikan pelaksanaan pembangunan di atas tanah wakaf Selangor dengan lebih teratur.

Pengarah Urusan Bank Islam, Datuk Seri Zukri Samat berkata, pembiayaan bagi pembangunan tanah wakaf yang pertama untuk Bank

Islam itu merangkumi dua projek di Selangor iaitu pembinaan 164 unit pang-sapuri dan 12 unit lot kedai di Seksyen 30, Shah Alam manakala satu lagi projek di Kapar, Klang membabitkan 13 unit kedai pejabat serta 34 unit bazar.

Beliau berkata, perjanjian bersama UME itu akan menyediakan pembiayaan projek serta pembiayaan akhir untuk pembelian unit-unit pangsa-puri, rumah kedai dan kedai pejabat melalui produk Pembiayaan-i Perumahan Al-Waqf.

"Pembiayaan ini adalah satu daripada inisiatif Bank Islam dalam menyumbang kepada pembangunan industri wakaf di Malaysia dan

platform untuk memastikan tanah wakaf dapat dimanfaatkan sebaik mungkin untuk generasi hari ini dan akhir datang.

"Kami juga yakin wakaf berjaya mewujudkan sinergi kukuh antara industri ke-wangan Islam dengan ko-

mitmen terhadap situasi sosioekonomi yang turut berpotensi sebagai sumber menjana pendapatan dan mekanisme untuk mengagihkan keke-

yanan," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian pembiayaan projek pembangunan tanah wakaf Selangor antara Bank Islam dengan UME di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Khairul Kamarudin;

Pengerusi Eksekutif UME, Mohd Azli Md Yusof; Pe-ngerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa dan Timbalan Pengerusi PWS, Datuk Ibrahim Md Yusof.

Sementara itu, Mohd Azli berkata, usahasama serta kerjasama dengan Bank Islam dilihat sebagai titik tolak kepada lebih banyak pembangunan bagi tanah wakaf di Selangor bagi pembangunan yang lebih komprehensif.

Menurutnya, pembinaan kedua-dua projek terbabit akan dimulakan tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun dan UME diberi tanggungjawab membangunkan 485.62 hektar tanah wakaf di Selangor terutama tanah wakaf am yang mampu memberi manfaat kepada penduduk sekitar.

FAKTA
Pembinaan kedua-dua projek terbabit akan dimulakan tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun

Headline	Konsert Selena Gomez lancar		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,434



Konsert Selena Gomez lancar

Shah Alam: Biarpun mendapat bantahan segelintir pihak, pengajuran konsert artis terkemuka Selena Gomez berjalan dengan lancar dengan kehadiran lebih 5,000 peminat di Stadium Melawati di sini.

Tinjauan Harian Metro mendapati kawasan pekarangan stadium itu mula dipenuhi ribuan peminat bermula jam 6 petang semalam.

Beberapa gerai jualan makanan dan pakaian turut disediakan di sekitar kawasan berdekatan yang dikawal ketat anggota polis dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Sebelum bermula acara konsert itu kira-kira jam 9 malam, Pertubuhan Keba-

jikan Darul Islah Malaysia (Perkid) diketuai Pengurusnya Masridzi Sat mengadakan bantahan secara aman dan solat hajat di kawasan itu.

Bagaimanapun, tiada sebarang kekecohan berlaku.



PEMINAT beratur untuk menyaksikan konsert Selena Gomez di Stadium Melawati Shah Alam, semalam.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) (Majlis Bandaraya Shah Alam	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Tanah rizab Melayu bertukar tangan		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Black/white
Date	26 Jul 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	11	ArticleSize	124 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 2,851
Journalist	N/A	PR Value	RM 8,553
Frequency	Daily		



Tanah rizab Melayu bertukar tangan

Gombak: Beberapa lokasi tanah rizab Melayu dan per sendirian dipercayai sudah bertukar tangan daripada rakyat tempatan kepada warga asing yang membeli tanah itu daripada pemilik asal dengan nilai kurang RM20,000.

Lebih menyedihkan, tindakan pemilik tanah berkenaan menyebabkan kawasan perkampungan di daerah ini 'ditawan' warga Indonesia menjadikan lokasi berkenaan sebagai 'perkampungan asal' mereka.

Selain itu, beberapa kampung berhampiran Sungai Chinchin kini tidak lagi dipanggil dengan nama asal dalam kalangan penduduk setempat, sebaliknya menggunakan nama baru selepas majoriti penduduknya dihuni rakyat asing.

Antaranya ialah pekan di Kampung Simpang Tiga dipanggil pekan Medan dan Kampung Tengah (Batang Kapas).

Difahamkan, tanah berkenaan dijual kepada warga Indonesia sebelum ia dipecahkan kepada lot bagi membolehkan lebih ramai keluarga

tinggal di atas berkenaan.

Mereka kemudiannya membina sendiri rumah berkenaan mengikut standard perumahan biasa dari aspek keluasan sehingga tiga tingkat seperti banglo mewah.

Menurut sumber pentadbiran Kampung Tengah dan Taman Harmonis Gombak, kawasan berkenaan asalnya dibuka empat keluarga dari Sumatera Indonesia pada tahun 1989 yang terdiri daripada suku kaum Batang Kapas.

"Selepas berpuluhan tahun, kami adalah generasi keempat mereka dan memegang status warganegara. Penduduk asal perkampungan ini masih ada lagi tetapi keluarga mereka juga sudah berkembang.

"Terdapat tiga perkampungan di sini membabitkan 1,200 buah rumah dengan jumlah penduduk dianggarkan mencerek 3,620 orang dan ada juga warga asing dari suku kaum Minang," katanya.

Menurut sumber itu, ada juga ada rumah berkenaan yang disewakan kepada pelajar dan kakitangan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kerana lokasinya sangat dekat.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Department of Director General of Land and Mines (Department of	2	0	RM 0
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (Universiti Islam	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



26 Jul 2016
Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 28 • Printed Size: 61.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,407.69
PR value: MYR 4,223.07 • Item ID: MY0026583966

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakot@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Istana tak pernah campur tangan

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dilihat memberi amaran tegas kepada semua pihak termasuk parti sekutu berhubung kenyataan mengaitkan istana dengan pentadbiran negeri.

Beliau terdahulu dilihat memuat naik mesej menyindir Timbalan Pengurus Parti Amanah Negara Selangor, Saari Sungib malam kelmarin, melalui akaun Twitter @AzminAli, mahu semua pihak tidak mengeluarkan kenyataan yang boleh menimbulkan persepsi buruk kepada pentadbiran Selangor.

Pada masa sama, Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden PKR berkata, Istana Selangor tidak pernah mencampuri urusan pentadbiran kerajaan negeri maupun urusan politik parti yang mentadbir ketika ini.

“Kita harus bersyukur institusi Diraja di Selangor tidak mencampuri pentadbiran dan tidak pernah mencampuri urusan politik. Jadi jangan mengeluarkan kenyataan yang boleh menimbulkan prasangka atau persepsi yang tidak baik,” katanya.



PERKAMPUNGAN Bayan di Muhi Langat yang dibuka sejak 1990-an.

TAKLUKAN WARGA ASING

■ Pendatang Indonesia berketurunan Bayan beli tanah dirikan pemukiman bersama 80 keluarga lain

Arnab Banerjee
dan Arikot Ahs
arnab@metrox.com.my

Kuala Lumpur

B

ermula dengan merebreka di atas tanah masih belum ada 80 persentas warga berpuan kini berada di kawasan di dalam Muhi Langat dan sekitarnya. Sebagian besar berharap mendapat pemukiman pendatang yang Indonis

Di Sungai Long, Jalan Kuantan Muhi Langat contohnya, kawasan selain mempunyai perumahan Kampung Baru yang dibina kira-kira 90 buah rumah penduduk tradisional dan keturunan Bawean Blegat yang memulihka kawasan ini sejak 1990-an. Selain itu, terdapat juga sekitar 80 buah rumah baki masih kosong selepas membelinya dan pada sebarang tukar berpuan yang mendekati usia sari wajikat kawasan.

Seperti halnya dalam tinggal di sini, saya dan penduduk lain tak pernah berdepan masalah dengan pihak berkuasa atau dimarahi mereka. Kita seorang warga yang membawa anak-anak berusia 30 tahun yang masih dibersihkan sejak Seni.

Warga terdiri berbilang

agama meraka.
Sejauh ini, teman-teman yang menginjak membuka rumah di Sungai Long baki ini termasuk saudara muka yang casang berbirah dan sebagai kini terdapat lima-lima 60 rumah yang masih kosong.

Rehatuan pendakat bekas yang wajah turut berubah yang memperbaiki kemahiran dan kelebihan membangun rumah dan seseorang mengaku seolah dia adalah ahli bangunan.

“Kebanyakan rumah yang dibina di Sungai Long ini dibina oleh orang yang tidak berpendidikan,” katanya.

Seni berkata dia kini menggunakan gerai maklon untuk pendakat di Kampung Besar dan pendakat yang dipelihara membebaskan rumah yang besar dan lebuh selesa untuk ahli kerja.

Mesananya, generasi baru yang lahir di negara ini wadah akhirnya takut warga negara akibat pengaruh budaya barat dan sejauh ini mereka masih bogang yang bersifat mencinti belakai teman-jonan.

Seni juga tutup mesudahnya dengan mengatakan bahawa dia seorang warga yang tempatan untuk mendapatkan status pendakat tetap negara ini.

“Kakak ada lagipentaksiran Indonesia kerana

orang Tujuh di Sungai Long la negara ini kini merangkul semula kewarganegaraan mereka untuk ringgit di sini dan berasa marah tanpa merasa kawas.

Rahulan Mardhi, Metro membenarkan bahawa ia ada ladi sambut ke masyarakat sebuah perumahan yang diperkenalkan diulang setiap minggu.

Dalam imbauan di Kampong Sungai Long, ia dikatakan seseorang dilantik untuk bertemu sebanyak satu pertengahan Indonesia bersama menyaksikan rancangan pembangunan rumah di Sungai Long.

Mesed, hima sendiri mengatakan yang punya tanah seorang yang tidak berpendakat atau barangnya yang tidak bagi mereka mengakui ahli.

Sebagaimana dia sentiasa menambahkan bahawa dia dilantik untuk bertemu dengan ahli kawasan perumahan mereka sendiri, antara mereka juga sebab dia dilantik untuk mengakui ahli kawasan tanah.” katanya.

Itu tidak memboleh kemungkinan ada dalam ke-



WARGA asing diboleh membuat kediaman besar untuk memperbaiki rumah di Sungai Long.

HARIAN METRO

ngan warga asing berkenaan pendatang tanpa izin (PATTI) yang masuk ke negara ini secara haram.

Ditanya mengapa dia tidak membuat aduan kepada pihak berkuasa, lelaki itu berkata dia bimbang dengan keselamatan diri dan keluarga yang sudah tinggal di situ lebih 40 tahun lalu.

Dia juga mendakwa ada dalam kalangan warga tempatan yang mengaku sudah menjual tanah mereka kepada warga asing dengan harga antara RM20,000 hingga RM50,000.

"Proses penjualan tanah itu sama ada secara bertulis atau lisan tidak dapat dipastikan kerana warga asing yang tinggal di sini sudah lama dan lebih belasan tahun," kata dia.

Sementara itu, sumber-sumber pentadbiran memberitahu Harian Metro, tanah terbabit dipercayai dijual secara perjanjian lisan kepada warga asing yang menjadi penyewa di situ sebelum ia dimonopoli mereka termasuk membina rumah banglo dua tingkat.

**ESOK: Penjelasan
Pejabat Tanah
Daerah Hulu Langat**



DERETAN rumah penduduk milik warga asing di Kampung Boyan.

Kampung





26 Jul 2016

Malay Mail, Malaysia

Author: Terence Netto • Section: Opinion • Page: 16 • Printed Size: 716.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,181.00
PR value: MYR 24,543.00 • Item ID: MY0026584974

PEJABAT SETIAUSAHA KERajaAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektaikorporat@gmail.com

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Penang snap polls narcissistic move

By Terence Netto

PAKATAN Harapan, the opposition coalition which groups together DAP, PKR and Amanah, will be taking a big risk if they hold snap polls in Penang.

The polls are a DAP initiative, which the party justifies on the grounds a new mandate is required from the people in a political climate suffused with corruption and abuse of power.

Penang Chief Minister Lim Guan Eng has been charged with two counts of corruption. Critics claim the snap polls are Guan Eng's way of securing victory in the court of public opinion before he faces a judicial verdict on the corruption charges preferred against him.

DAP's partners in the coalition — PKR and Amanah — are not sold on the idea, with just two years to go before the next general election (GE14) is held.

PKR fears there will be three-cornered fights that will dilute support for Harapan parties and be to the advantage of Umno-BN.

Amanah is similarly not convinced.

The party has left unstated what may well be its biggest fear which is in going along with DAP, it will strengthen the perception it is a stooge of the avowedly secular party.

This perception is stoked by PAS, from which Amanah split last September after a highly divisive party election in PAS in June last year which saw the professionals in the Islamist entity routed by the ulama.

In the run-up to the vote, the ulama had demonised the professionals as DAP pawns

It is important for Amanah's future flourishing that perception among Muslim voters is proven wrong.

For that reason, Amanah has to back PKR in dissuading the DAP on having snap polls in Penang.

But PKR owes DAP a favour in that the latter had backed PKR in early 2014 when it wanted to hold a by-election in the Kajang state seat as part of a move to remove PKR's then-Selangor menteri besar Tan Sri Khalid Ibrahim.

The move triggered public confidence-sapping turbulence in Pakatan Rakyat, the informal coalition which combined PKR, DAP and PAS, formed after GE12 in 2008 and loosely held together until its acrimonious expiry in June last year.

The PKR move against Khalid led to a concatenation of circumstances in which such factors as PAS's disagreement on the need to remove Khalid and the tumult in PKR over who among its leaders should supplant Khalid were compounded by PAS's insistence on implementing hudud in Kelantan.

This tableau of discord occurred barely a year after voters had given Pakatan Rakyat a 52 per cent plurality in the 13th general election in May 2013 on a back of a turnout which in some seats was as high as 88 per cent.

This was an astonishing event in Malaysia's electoral history of largely thumping victories for the ruling coalition.

Opposition disarray so soon after the electorate had given them an unprecedented level of support in GE13 pointed to serious ideological and moral frailties that could no longer be ignored.

Now the DAP move to have snap polls in Penang will keep that focus on opposition's (effectively Harapan's) weaknesses more stringent.

That scrutiny will find fault with Lim's dominance of the Harapan government in Penang, a dominance stultifying not only to Penang DAP but also the central DAP — he's been the party's secretary-general for nine years. It has been stifling to Penang PKR, too.

To the extent that Harapan can be said to have a vision, it is more nearly a social democratic one than it is any other.

An examination of Lim's track record as chief minister, especially in the fraught sectors of housing and transport, will supply grist for the argument it is more capitalistic — and cronyistic at that — than social democratic.

Lim got off to a superb start as chief



26 Jul 2016

Malay Mail, Malaysia

Author: Terence Netto • Section: Opinion • Page: 16 • Printed Size: 716.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,181.00
PR value: MYR 24,543.00 • Item ID: MY0026584974

PEJABAT SETIAHUSA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

minister in 2008 and Penang soon began to display the effects of his stewardship, in terms of a cleaner city and a more efficient state administration.

On completion of DAP's first term (2008-2013) in office in Penang, it was not surprising the government obtained a thumping re-endorsement at GE13.

But after that, Lim's innate combative ness stemming from a lack of maturity, and his ideological void began to tell damagingly on DAP and, by extension, Harapan.

This development has reacquainted critics and political observers with the truism a stay in power longer than eight years (effectively two terms) invites corruption to the sensibility of incumbents.

In any case, there wasn't anything lofty to that sensibility: as a leader, Lim is an improviser rather than a visionary, and as politician, he's more of a slugger than a subtle tactician.

Overall, he's lacking in the vision which could lift his party and Harapan to being not just marginally or markedly, but radically better than Umno-BN.

Only by being radically better would, say, up to 52 per cent of the general electorate give Harapan the keys to Putrajaya.

Being radically better would have behooved Lim to take leave of the chief minister's post until he is cleared of the

corruption charges.

Substantively, arguments in favour of his continuing to stay in office because he is not in any position to influence his prosecution are lame and expose Lim as, at best, only marginally better than his critics in Umno-BN.

PKR and Amanah would be shooting themselves in the foot and would not be helping DAP to upgrade themselves – by unveiling better leaders than Lim – if they acquiesce to the latter's push for the snap polls.

The polls would see three-cornered fights for seats, given PAS's determination to field candidates which will be to PKR's deficit.

Make no mistake about it PAS is bent on destroying Amanah, frustrating DAP and deceiving PKR.

Voter fatigue with politics, an anticipated low turnout for the snap polls and curtailed time for Amanah to gain traction on voters who would otherwise vote PAS, are among the reasons why snap polls in Penang will be a bad move.

Finally, snap polls would be an act of political narcissism by the DAP, designed to salvage the self-inflicted misfortunes of one man.

It is best for Harapan to leave bad enough alone.



(From left) Amanah president Mohamad Sabu, Lim, PKR president Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail and PKR deputy president Datuk Seri Azmin Ali celebrate Dr Wan Azizah's win at last year's Permatang Pauh by-election. The writer says PKR and Amanah are not sold on the idea of having snap polls in Penang in the face of Lim's corruption charges. — Picture by Firdaus Latif



26 Jul 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: Marlia Zakaria • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 181.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,087.44
PR value: MYR 9,262.32 • Item ID: MY0026583873



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

'Rungkai satu rangkaian jenayah'

■ MARLIA ZAKARIA

SHAH ALAM - "Pengumuman Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat mengenai skandal 1MDB merupakan kemuncak siasatan yang merungkai satu rangkaian jenayah," kata Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau menegaskan, ia bukan sahaja saman sivil, tetapi juga merujuk kepada dua perkataan iaitu rasuah dan kleptokrasi (diperintah oleh pencuri).

"Ia benar-benar satu

penghinaan. Mereka kata kita tak boleh memperbesar-besarkan perkara tersebut hanya kerana ia adalah saman sivil," katanya dalam ucapannya di Forum Kebebasan Maklumat (FOI)

di Bangunan Annex, Dun Selangor, di sini, semalam.

Menurutnya, undang-

undang mengenai kebebasan maklumat harus dilihat dari segi kebebasan masyarakat umum untuk mengakses maklumat rasmi dan bukan hak milik istimewa.

Selain itu, Mohamed

Azmin turut menegaskan individu dinamakan oleh DOJ juga berkait rapat

dengan mereka yang memegang jawatan tertinggi dalam kerajaan.

"Individu yang dimaksudkan adalah penghalang terbesar kepada usaha kami untuk mencapai ketulusan dan kebebasan maklumat.

"Jika kita letakkan prinsip kebebasan maklumat di kedudukan yang sewajarnya dan berpegang teguh kepada prinsip tersebut, pasti contoh yang memalukan

seperti isu 1MDB ini tidak akan berlarutan sejauh ini," katanya.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, Selangor perlu menambah baik Enakmen Kebebasan Maklumat (FOI) negeri bagi memastikan matlamat tercapai, sekali gus menjadikan Selangor sebagai negeri contoh.

"Ia boleh dibuat melalui pertambahan kakitangan, melatih pegawai maklumat dan membolehkan penyertaan lebih ramai rakyat dalam hal ehwal negeri," katanya.

“Ia benar-benar satu penghinaan. Mereka kata kita tak boleh memperbesar-besarkan perkara tersebut hanya kerana ia adalah saman sivil.” - Azmin



'Tak dapat jemputan, bukan gaduh'

Isu tidak hadir majlis pecah tanah: Adun Seri Serdang nafi bermasam muka dengan Adun Kinrara

■ NUR FARHANA ABDU MANAN

PUCHONG – "Kami tak gaduhlah... saya nafikan kalau ada orang kata kami ber-gaduh," dermikian reaksi Adun Seri Serdang, Noorhanim Ismail menafikan beliau ber-gaduh dengan Adun Kinrara, Ng Sze Han hingga tidak di-jemput ketika Majlis Pecah Tanah Rumah Selangorku di Puchong Utama, di sini baru-baru ini.

Beliau mengakui tidak mendapat jemputan pada majlis berkenaan namun jelasnya, ia tiada kena mengena dengan hubungannya dengan wakil rakyatnya dengan wakil rakyat daripada parti DAP tersebut.

Katanya, majlis tersebut di-anjur oleh pihak pemaju, ber-kemungkinan pihak itu lupa menjemputnya namun Sze

Han hadir kerana menerima jemputan.

"Saya akui memang tak dijemput ketika majlis pecah tanah itu tapi bukan sebab saya 'bergaduh' dengan Yang Berhormat Sze Han, kebetulan masa tu saya juga menghadiri mesyuarat penting di tempat lain," katanya.

Beliau berkata, meski tidak hadir, wakil Exco kerajaan negeri daripada parti Pas hadir ke majlis pecah tanah tersebut.

Noorhanim berkata, meski timbul isu antara parti di-anggotainya dengan DAP, namun hubungan sesama wakil rakyat daripada kedua-dua parti tersebut masih baik.

"Kami saling memerlukan, talktanlah saya nak gaduh dengan beliau (Sze Han), suarini saya pun berkawan dengannya... yang penting adalah



Noorhanim (kanan) melayani Sze Han ketika wakil rakyat itu hadir ke majlis sambutan Aidilfitri Dun Seri Serdang petang kelmarin.

tunaikan amanah rakyat.

"Untuk pengetahuan, ketika negara dilanda jerebu tem-poh hari saya dapatkan bekalan penutup hidung daripada beliau (Sze Han) yang mem-

punyai farmasi, kalau gaduh takkan saya naik tempah dari pada beliau kan..." katanya.

Sementara itu, Sze Han ber-kata, beliau tidak pernah ber-musuh dengan Noorhanim.

"Kami dah lama kenal, ka-wan tetap kawan, politik itu perkara lain... sebagai wakil rakyat tidak timbul perasan perbalahan."

"Lagi-lagi di musim pe-

rayaan begini... tengok hari ni... YB Hanim jemput ke majlis hari raya saya datang," kata-nya ketika kedua-duanya di-temui pada Majlis Sambutan Aidilfitri Dun Seri Serdang dan Pas Kawasan Puchong, di Puchong Perdana di sini, pe-tang kelmarin.

Sebelum ini tersebar di la-man sosial berhubung isu Pas yang didakwa dipinggirkkan dari kerajaan negeri apabila Exco Kerajaan Negeri, Datuk Iskandar Abd Samad dan Noorhanim dikatakan tidak di-jemput ke Majlis Pecah Tanah Projek Rumah Selangorku di Puchong Utama.

Dalam kandungan viral tersebut turut mendakwa tem-pat duduk Adun Seri Serdang digantikan dengan Adun Kinrara bagi mewakili kawa-san Puchong.

26 Jul 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 172.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,934.00
PR value: MYR 8,802.00 • Item ID: MY0026583969

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsorong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



MDKS rai pengamal media

KUALA SELANGOR – Hubungan baik pengamal media dengan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dipererat lagi melalui penganjuran Hari Bersama Media ‘Boling Raya MDKS’.

Yang Dipertua MDKS, Noraini Roslan menjelaskan, penganjuran julung kali ini bukan sahaja merapatkan hubungan antara kakitangan bahkan satu penghargaan buat media yang sentiasa membantu.

“Peranan media penting dalam mempromosikan MDKS melalui aktiviti, produk pelancongan dan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada masyarakat daerah ini.

“Saya harap kesempatan ini dapat mem-

beri peluang kepada kakitangan MDKS dan pengamal media beriadah dan bergembira dalam satu keluarga melalui sukan boling,” katanya.

Program Hari Bersama Media adalah acara tahunan yang dianjurkan MDKS dan penganjuran pertama iaitu Hari Bersama Media: Sepetang di Kuala Selangor diadakan di Pantai Remis pada tahun lalu.

Kali ini, antara pengamal media yang hadir memeriahkan Hari Bersama Media ‘Boling Raya MDKS’ adalah *Sinar Harian*, Berita Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia, The Star, Sin Chew Daily, Harian Tamil Malaysia Nanban dan Media Selangor.



Sebahagian pengamal media dan kakitangan MDKS merakam kenangan bersama Noraini (tengah) sempena Hari Bersama Media ‘Boling Raya MDKS’.



26 Jul 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 207.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,530.94
PR value: MYR 10,592.82 • Item ID: MY0026584016

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@ssgovt.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Pihak surau mohon pertimbangan Jais

KUNDANG - Pengurusan Surau Al-Falah Kampung Baru Kundang, di sini terpaksa membuat laporan polis selepas diugut seorang individu yang tidak berpuas hati berhubung pembesar suara digunakan.

Pengerusinya, Abd Rashid Yahya berkata, pada 1 Ramadan lalu, lelaki berkenaan datang ke surau ketika jemaah mahu menuaikan solat Subuh.

"Dua kali dia datang marah-marah suruh perlakukan pembesar suara sebab ganggu waktu tidurnya. Pada 13 Jun, dia datar g lagi sekitar jam 8 pagi mengulangi permintaan sama sebelum dia beredar dalam keadaan tidak puas hati.

"Dia kata akan berbuat sesuatu selepas pihak surau tak endahkan permintaannya, bimbang akan menimbulkan perkara tidak diingini kami buat laporan polis pada hari sama," katanya.

Beliau yang juga imam surau berkenaan berkata, sepanjang 15 tahun surau ter-


sebut beroperasi, insiden tersebut adalah pertama kali berlaku sehingga menyebabkan campur tangan daripada pihak Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) yang mengeluarkan arahan supaya pihak surau memperlakukan pembesar suara melalui surat diterima 23 Jun lalu.

"Kami akur arahan kerana tidak mahu mengeruhkan lagi keadaan. Sekarang hanya dua pembesar suara digunakan berbanding enam urut keseluruhannya.

"Tapi kami mohon Jais pertimbang semula arahan itu dan minta supaya perbincangan dibuat memandangkan keputusan dibuat berdasarkan satu aduan sehaja yang lebih kepada permintaan individu," katanya.

Jelasnya, pembesar suara itu digunakan untuk laungan azan lima waktu dan azan Subuh menjadi kuat disebabkan keadaan sunyi serta jalan tiada kenderaan.

"Dia marah sebab azan



Abd Rashid menunjukkan surat Jais yang diterimanya.

terlalu kuat dia tak boleh tidur. Bukan kami pasang ayat al-Quran sementara menunggu waktu atau ceramah. Azan tak sampai lima minit dan sebelum ini tak pernah orang mengadu bising.

"Kami perlukan sokongan supaya operasi kami tidak terganggu dan berharap per-

kara ini diselesaikan secara berhemah tanpa melibatkan sebarang permusuhan kaum.

"Kami juga menerima maklumat sebahagian penduduk di taman perumahan berhadapan jalan tidak lagi mendengar azan selepas jumlah pembesar suara dikurangkan," katanya.



Author: No author available • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 229.00cm²
 Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,906.21
 PR value: MYR 11,718.63 • Item ID: MY0026583897

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
 SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAU BANDAR SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
 No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektaikorporat@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Gantung lesen jika ingkar



Noh memotong pulut kuning ketika menghadiri program Rumah Terbuka Kasih, semalam.

SHAH ALAM – Kerajaan memandang serius isu yang membabitkan pinjaman syarikat wang berlesen atau ah long yang dilihat membebankan masyarakat akhir-akhir ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar mernaklumkan, syarikat pinjaman wang yang diberi lesen pinjaman tidak boleh mengiklankan syarikat mereka seperti menampal iklan syarikat di tempat awam.

Beliau juga mengingatkan kepada mana-mana syarikat pinjaman wang yang gagal mematuhi peraturan lesen yang dikeluarkan akan berhadapan dengan tindakan

tegas iaitu pembatalan lesen.

"Saya minta kepada orang ramai untuk buat aduan kepada pihak kementerian jika terlihat iklan sebegini agar pihak kementerian dapat membuat siasatan lanjut."

Kementerian serius menangani isu ah long yang menyalahgunakan lesen pinjaman diberikan kerana dilihat menindas masyarakat yang tersebut," katanya.

Menurutnya, sepanjang tahun ini, kementerian meluluskan dan telah mengeluarkan 46 lesen pinjaman wang.

"Di sini saya ingatkan sekali lagi, syarikat pinjaman wang berlesen agar tidak terlibat atau menawarkan skim pinjaman ah long selain hanya

boleh buat pengiklanan di premis masing-masing sahaja.

"Selain orang awam, saya juga menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk turut sama mengambil peranan membuat aduan dalam isu ini kerana tindakan mengoyakkan iklan-iklan ah long ini tidak cukup sebaliknya laporan perlu dibuat untuk mengerakkan siasatan."

"Bagi syarikat yang tidak berlesen atau masih beroperasi setelah lesen dibatalkan pula, kita akan ambil tindakan tegas melalui undang-undang di bawah Akta Pinjaman Wang," katanya ketika ditemui di program Rumah Terbuka Badan Amal dan Kasih Negeri Selangor (Kasih).



26 Jul 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: Hasniza Hussain • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 351.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,987.25
PR value: MYR 17,961.75 • Item ID: MY0026584017

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 5, BANDARAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

'Larangan hanya libatkan ceramah'

Jais tidak pernah keluarkan arahan berkenaan larangan laung azan guna pembesar suara

■ HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) tidak pernah melarang mana-mana surau di negeri ini melaungkan azan menggunakan pembesar suara.

